

Malaysia antara 10 negara tinggi komitmen dalam keselamatan siber



Kuala Lumpur: Malaysia berjaya meletakkan nama antara 10 negara teratas mempunyai komitmen tinggi dalam bidang keselamatan siber menerusi laporan Global Cybersecurity Index 2020 yang dijalarkan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Saifuddin Abdullah berkata, hasil kajian membanditkan 194 negara itu, Malaysia memperoleh skor sebanyak 98.06 untuk berada di kedudukan kelima bersama Rusia dan Emiriah Arab Bersatu di peringkat global.

Katanya, di peringkat Asia Pasifik, Malaysia berada di kedudukan kedua selepas Korea Selatan dan Singapura yang berkongsi skor 98.52.

"Pencapaian ini lebih baik berbanding 2018, yang mana negara berada di kedudukan kelapan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Saifuddin berkata, Malaysia menduduki tempat 10 teratas dunia itu selepas memperoleh skor penuh 20.0 dalam tiga daripada lima petunjuk prestasi utama agenda keselamatan siber 2020 ITU, iaitu komponen perundangan, pembangunan kapasiti dan kerjasama, manakala dua lagi skor iaitu teknikal (19.08) serta organisasi (18.98).

KAJI
SELIDIK +
anda dan
berpeluang
memenangi sebuah
Ipad!
Klik sini untuk
menjawab kaji selidik ini!

Trending

Roboh
jambatan
halang
penguat
kuasa
musnah
kebun



Nikah
hanya
kerana
nafsu



5 ditahan
'bersantai'
di luar
balcony



Umno
akan buat
laporan
polis
terhadap
Kit Siang



"Ya, semua
mereka
positif
Covid-19"



Saifuddin berkata, dalam aspek pembangunan kapasiti, Malaysia menyediakan program-program latihan kemahiran teknikal dan kompetensi serta persijilan profesional membabitkan domain keselamatan siber.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Malaysia berupaya menghasilkan golongan profesional keselamatan siber bukan sahaja dalam negara, malah di luar negara menerusi Skim Pensijilan Profesional Keselamatan Siber Bertauliah Global serta kolaborasi bersama sektor awam, swasta, industri serta institusi pengajian tinggi.

Katanya, melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), negara diiktiraf untuk melatih peserta dari negara ASEAN dan juga Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Saifuddin berkata, Malaysia juga aktif dalam mengukuhkan kerjasama menentang keganasan siber di peringkat global melalui pelbagai platform antarabangsa, antaranya Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer ASEAN (ASEAN Cert), Forum Serantau ASEAN (ARF) dan Majlis Kerjasama keselamatan di Asia Pasifik (CSCAP).

Selain itu, Konvensyen Budapest, United Nations (UN) Counter-Terrorism Committee Executive Directorate (CTED), Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Asia Pasifik (APCERT), Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Asia Pasifik OIC (OIC-CER) serta Forum of Incident Response and Security Teams (FIRST).

"Jalinan kerjasama turut dimeterai bersama rakan serantau ASEAN seperti Filipina, Indonesia, Laos, Myanmar, Kemboja, Thailand dan Vietnam serta United Kingdom, Korea Selatan, Itali dan Australia," katanya.

Menurutnya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersama-sama Cybersecurity Malaysia komited untuk terus memperkasa dan melestarikan prasarana serta ekosistem keselamatan siber agar terus mampan dan berdaya saing demikian mencapai aspirasi membawa Malaysia ke arah pendigitalan dan menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital.

NXP

Mutakhir



Kedah mungkin ke fasa kedua PPN tak lama lagi



'Raja Penyeludup' lesapkan bilion ringgit setiap tahun



Terjun tingkat satu elak ditahan polis



jambatan halang penguat kuasa musnah kebun



6 rumah settinggan, kedai runcit, musnah

Disiarkan pada: Jun 30, 2021 @ 11:20pm



Pegawai